

**B**eliau begitu dikenali di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Malah sikapnya yang sering tersenyum dan selalu bertegur sapa dengan siswa lain membuatkan dirinya makin disayangi ramai.

Beliau yang dimaksudkan adalah Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa UKM, Muhammad Sallehudin Khalid yang berasal dari Ledang, Johor.

Ketika ditemui wartawan *Kampus* baru-baru ini, kelihatan Sallehudin memang mesra orangnya. Anak bongsu daripada tujuh beradik ini juga cukup berpengetahuan luas dan pintar pemikirannya. Memiliki daya kerja dan semangat yang tinggi sememangnya membuktikan Sallehudin memang layak



Sallehudin (dua, kanan) menyertai misi membantu mangsa banjir di Kuala Krai, Kelantan.

“Aktiviti luar kuliah juga boleh membawa kita menjadi insan produktif, proaktif dan progresif yang cakna terhadap isu semasa, tempatan dan antarabangsa.”  
- Muhammad Sallehudin

# Bakat terserlah sejak zaman sekolah



memikul tanggungjawab yang telah diamankan kepadanya.

Sepanjang menjawat jawatan tersebut, kata Sallehudin, pelbagai kenangan manis dan pahit telah dilalui dan yang paling dikenang olehnya apabila menjadi calon bagi pilihan raya kampus.

"Saya menjadi calon pilihan raya kampus ini sebanyak dua kali iaitu dilantik sebagai Naib Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa UKM (PMUKM) sesi 2013/2014 dan Yang Dipertua PMUKM sesi 2014/2015.

"Ketika tempoh bertanding itu, saya mempunyai ramai sahabat yang sentiasa menyokong. Ia bertambah manis apabila dapat melihat wajah kegembiraan mereka apabila saya diumumkan menang untuk dua kali berturut-turut.

"Sehingga kini, mereka masih terus menyokong dan membantu saya daripada setiap aspek," katanya yang menghargai kedua ibu bapanya, Khalid dan Zainab, keluarga, sahabat perjuangan serta pihak universiti yang sentiasa memberi sokongan tanpa henti kepada dirinya.

Mengulas mengenai pembahagian masa antara belajar dan aktiviti luar, Sallehudin beritahu, pembahagian masa antara aktiviti luar kuliah dan akademik cukup berbeza bagi setiap orang.

"Bagi saya, masalah masa tidak akan timbul sekiranya ia digunakan dengan baik. Misalnya, dalam konteks sebagai seorang siswa, kita tidak seharusnya hanya berpegang pada 3K iaitu Kolej, Kedai Makan dan Kuliah semata-mata. Sebaliknya, aktiviti luar kuliah juga boleh membawa kita menjadi insan produktif, proaktif dan progresif yang cakna terhadap isu semasa, tempatan dan antarabangsa," ujar Sallehudin.

Katanya lagi, walau se sibuk mana dirinya di kampus, hobi bersukan dan berbual bersama rakan-rakan akrab tetap dilakukan juga.

"Bersukan telah menjadi minat saya sejak kecil terutamanya catur dan bola sepak. Di alam universiti ini, futsal menjadi kegemaran saya untuk bermain bersama rakan-rakan.

"Manakala berbual bersama mereka berkenaan isu semasa juga boleh memberikan idea dan pelbagai pendapat untuk saya bawa pada sesi mesyuarat

PMUKM nanti," katanya yang memang aktif dan memiliki sifat kepimpinan sejak di bangku sekolah rendah lagi.

## PERSEDIAAN RAPI

Sebelum menganjurkan program di kampus, setiap ketua harus memastikan program berjalan lancar. Bagi Sallehudin sendiri, yang sering dilantik sebagai ketua atau pemimpin bagi apa sahaja aktiviti di UKM, beliau sememangnya sudah bersedia sedia daripada awal lagi.

"Persiapan sebelum menjalankan sesuatu program perlu dilakukan dengan baik, terutamanya, bagi program yang berskala besar dan berimpak tinggi. UKM sememangnya terkenal dengan jumlah program yang pelbagai dan banyak saban tahun. Dengan lebih 110 persatuan pelajar yang terdapat di UKM, sememangnya lambakan program ilmu



MUHAMMAD SALLEHUDIN

Ketika sertai programengecat Surau Tun Sri Lanang, UKM.



Wajah-wajah ceria barisan PMUKM (wakil lelaki) yang telah dilantik.

## PROFIL

**Nama:** Muhammad Sallehudin Khalid  
**Tarikh Lahir:** 18 April 1992  
**Pendidikan:** SK Pengkalan Besar, SMKA Maahad Muar, Kolej Matrikulasi Johor dan UKM (Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian - Tahun keempat)

### Pencapaian Kokurikulum:

- 1) Catur
  - Johan kategori bawah 12 tahun Daerah Tangkak 2003
  - Ketiga kategori bawah 15 tahun Daerah Muar 2007
  - Johan Catur Anugerah Seri Asrama Terbilang (ASAT) Zon Selatan
  - Johan Sukun Universiti Kebangsaan Malaysia (SUKEM) 2011
- 2) Bola sepak
  - Penjaga Gol Pasukan SMKA Maahad Muar 2008, 2009

### Jawatan/anugerah pernah disandang

- 1) Pengawas SMKA Maahad Muar 2005 - 2008
- 2) Ketua Asrama SMKA Maahad Muar 2009
- 3) Anugerah Emas Majlis Graduasi SMKA Maahad Muar
- 4) Ketua Exco Lajnah Tarbiyah dan Qiadah, Kesatuan Remaja Islam Matrikulasi, Karisma 2010
- 5) Yang Di Pertua JAKSA Kolej Aminuddin Bakri 2012/2013
- 6) Ketua Exco Lajnah Dakwah Ikatan Studi Islam (ISUIKM) 2013/2014
- 7) Naib Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa UKM (PMUKM) 2013/2014
- 8) Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa UKM (PMUKM) 2014/2015

**Moto:** Believe in ALLAH and smile always